

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 2 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 40

Bomba
: tumpukan
: pencarian
: mangsa
rentung

KUANTAN 1 Sept. - Pasukan bomba memberikan fokus kepada usaha mencari seorang lagi mangsa yang dipercayai rentung dan terpaksa menanggukkan tumpuan kepada siasatan dalam kejadian kebakaran melibatkan 20 rumah kedai dan 11 rumah kongsi di pekan Sungai Lembing di sini semalam.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri, Ismail Abd. Ghani berkata, pada masa ini pihak bomba juga telah mengambil keterangan beberapa saksi dalam mencari petunjuk baharu bagi mengesan mangsa.

"Sekarang pencarian tertumpu kepada rumah kedai yang mana satu mangsa ditemukan. Bagaimanapun setakat ini masih negatif lagi dan belum ditemukan.

"Kita fokus mencari seorang lagi mangsa yang hilang pada masa ini dan punca kebakaran masih belum dikenalpasti," katanya di sini hari ini.

Sepasang warga emas dipercayai maut dalam kejadian kebakaran melibatkan 20 rumah kedai dan 11 rumah kongsi di pekan Sungai Lembing di sini semalam.

Namun, sehingga semalam pihak bomba hanya menemukan mayat seorang mangsa yang rentung dalam kejadian kebakaran berkenaan.